

Penilaian Pelajar-Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia

**Prof. Madya Dr. Ab. Halim Tamuri
DR. MOHD ADERI CHE NOH
KHADIJAH ABDUL RAZAK
DR. KAMARULZAMAN ABDUL GHANI
TUAN HAJI ZARIN BIN ISMAIL
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.**

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini ialah untuk membenteng kajian yang berkaitan dengan penilaian pelajar-pelajar terhadap amalan pengajaran guru pendidikan Islam mereka di sekolah. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan satu set borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah. Amalan-amalan pengajaran guru dalam kajian ini diasaskan kepada lima domain iaitu Muddaris, Muaddib, Murabbi, Mursyid dan Muallim. Kajian ini melibatkan seramai 3166 orang pelajar daripada sekolah-sekolah menengah di enam buah negeri, iaitu Selangor, Kedah, Kelantan, Melaka, Johor dan Sarawak. Pemilihan negeri ini adalah untuk mendapatkan sampel yang mewakili pelbagai kawasan dan latar belakang di Malaysia. Pada asasnya, pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah multistage cluster sampling. Dapatan secara keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa min bagi domain Mudarris ialah 3.75, Muaddib 4.24, Murabbi 4.01, Murshid 3.94 dan Muallim 3.94.

1. PENDAHULUAN

Matlamat utama sistem pendidikan Islam ialah untuk memberikan kemahiran, pengetahuan dan membangunkan insan yang bertakwa kepada Allah swt. Dalam dunia pendidikan kini, sekolah dan guru mempunyai peranan yang sangat penting kerana mereka telah mengambil alih sebahagian besar tugas keluarga untuk mendidik generasi muda. Dengan perkataan lain, perkembangan kemajuan teknologi dan *complexity* masyarakat global tanpa sempadan yang mengejar kemewahan kebendaan, tugas pendidikan kini hampir diserahkan sepenuhnya kepada institusi formal, khususnya sekolah. Kerana itu pendidikan pada masa sekarang sering dikaitkan dengan sekolah dan sekolah pula telah menjadi satu tempat untuk mendapatkan maklumat dan memberikan kemahiran. Hakikatnya, sekolah bukan sahaja satu tempat untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar, tetapi dalam pembangunan moral dan sosial, yang mana dalam masyarakat tradisional, tugas ini adalah tanggungjawab ibubapa. Maka, tugas guru kini menjadi semakin signifikan dalam usaha membangunkan sesuatu masyarakat dan tidak hanya berfokus kepada persoalan pemindahan maklumat tetapi juga yang berkaitan dengan aspek pembangunan insan.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Keagungan kepimpinan Rasulullah s.a.w. jelas terbukti melalui kegemilangan usaha Baginda sebagai pendidik dan pemimpin yang berjaya membawa umatnya dari kegelapan kepada kesejahteraan ummah. Walaupun usaha ini memakan masa selama

23 tahun, namun matlamat untuk membina, mendidik dan melahirkan generasi *rabbani* akhirnya terhasil. Dengan ini didapati matlamat pendidikan dan ciri-ciri kepimpinan pendidik Muslim perlulah menepati dengan ciri kepimpinan Rasulullah s.a.w. dalam proses mendidik dan memimpin ummah ke arah ummah yang berilmu dan sejahtera. Melalui paparan para ilmuwan yang lalu didapati bahawa kejayaan kepimpinan Rasulullah s.a.w. adalah dengan melaksanakan pelbagai kaedah dan amalan seperti bersifat penyabar, penyayang, prihatin, bersikap adil, tulus serta memimpin secara praktikal iaitu melalui contoh teladan. Ciri-ciri inilah seharusnya dicontohi oleh setiap pendidik hari ini dalam melaksanakan proses mendidik untuk melahirkan insan yang mulia.

Sehubungan dengan itu, kewibawaan pendidik Muslim adalah sangat penting untuk melaksanakan usaha mendidik dan memimpin pelajar secara lebih berkesan. Keunggulan dan keluhuran peribadi Rasulullah s.a.w. jika diterapkan dalam diri setiap pendidik, maka mereka akan dapat menjadi *role model* kepada para pelajar seterusnya berusaha menjadi pelajar yang terpuji. Melalui kaedah ini, bagi pandangan penulis penghayatan nilai akan terlaksana dengan lebih berkesan. Di sinilah perlunya kebijaksanaan pendidik untuk menampilkan kehebatan diri sebagai pendidik yang dihormati, disegani dan sanjungi oleh pelajar. Sebagai pendidik, mereka seharusnya mempraktikkan amalan yang baik sama ada dari tutur kata, perilaku, akhlak dan personaliti sebagaimana yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap umatnya bukan sekadar teori, bahkan menjadikan diri Baginda sebagai sumber ikutan yang terbaik untuk umatnya. Ciri-ciri kepimpinan Rasulullah s.a.w. yang unggul dan berkualiti ini seharusnya dijadikan teras dalam kepimpinan pendidik dalam Islam hari ini.

Dalam hal ini, didapati masih ramai pendidik termasuk guru Pendidikan Islam hari ini tidak mampu menjadikan dirinya sebagai *role model* terbaik terhadap pelajar, malah ada masih tidak dapat menerapkan nilai-nilai mulia ke dalam diri pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ab. Halim Tamuri 2000, 2004). Kesannya Pendidikan Islam gagal untuk dihayati dan diamalkan sepenuhnya dalam kehidupan pelajar. Kegagalan pendidik dalam memperkasa nilai murni dan sifat mahmudah ke dalam diri pelajar menjadi faktor krisis akhlak dan disiplin pelajar hari ini yang semakin meruncing. Ciri-ciri yang telah ditonjolkan oleh Rasulullah merupakan asas kepada amalan-amalan yang seharusnya dilakukan oleh guru-guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Namun, terdapat beberapa persoalan yang timbul antaranya:

- Berapa kerapkah guru-guru melakukan amalan yang positif dalam pengajaran mereka?
- Apakah tahap kualiti amalan tersebut?
- Apakah persepsi pelajar terhadap amalan-amalan yang dilakukan oleh guru-guru mereka?
- Adakah amalan tersebut memberikan impak kepada pembangunan diri mereka?
- Apakah amalan-amalan guru yang diharapkan oleh pelajar daripada guru mereka?
- Bagaimana kaedah untuk meningkatkan kualiti amalan-amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam?

3. KONSEP GURU DALAM ISLAM

Tugas dan tanggungjawab guru telah lama dibincangkan oleh ramai tokoh-tokoh pendidik, sebagai contoh Hossein Nasr (1987) yang menjelaskan bahawa guru mengikut perspektif Islam mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan akhlak, iaitu sebagai

murrabi (*a trainer of souls and personalities*) dan bukan semata-mata seorang **mu`allim** (*a trasmitter of knowledge*). Rosnani Hashim (1997) pula melihat guru sebagai **muaddib**, iaitu seorang yang bertanggung-jawab dalam menerapkan adab (disiplin dalam pemikiran, fizikal dan rohani). Halstead (1995) pula menjelaskan bahawa para guru sangat disanjung kerana mereka bukan sahaja berilmu semata-mata, tetapi juga mestilah mempunyai personaliti dan komitmen kepada Islam dan menunjukkan contoh yang baik kepada para pelajar, yang mana para pelajar boleh mengikuti guru mereka tanpa rasa ragu-ragu. Terdapat beberapa istilah pendidik dalam bahasa Arab yang dihubungkan dengan konsep guru dalam Islam iaitu:

Kewibawaan pendidik Muslim sangat penting dalam usaha melaksanakan tugas mendidik dan memimpin pelajar secara lebih berkesan. Keunggulan dan keluhuran peribadi Rasulullah s.a.w. jika dapat diterapkan dalam setiap diri pendidik akan dapat menjadi *role model* kepada para pelajar. Terdapat sekurang-kurangnya lima domain yang menjadi ciri guru pendidikan Islam iaitu: *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *mu`allim* yang dikenali sebagai "5[♠]".

a. Mudarris adalah konsep yang diasaskan kepada guru cemerlang yang berkesan. Umumnya, ia dinilai daripada lima aspek utama, iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan profesional.


b. Muaddib merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Proses ta'dib ini bersumberkan wahyu Allah SWT. Manakala nilai ta'dib yang cuba diterapkan dalam diri para pelajar adalah bersifat mutlak, muktamad, kekal abadi dan suci, serta diasaskan kepada keimanan yang kukuh kepada Allah SWT.

c. Murabbi pula merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek (JERIS) agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kaca mata Islam.

d. Mursyid merujuk kepada aspek kepimpinan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri (JERIS) sebagai insan soleh. Konsep irsyad dalam kajian ini lebih memfokuskan konsep kepimpinan Rasulullah SAW dalam proses mendidik dan membimbing para sahabat.

e. Mu`allim merujuk kepada peranan guru dalam bilik darjah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang dirancang. Proses ta'lim merangkumi juga adab berilmu yang

akan mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para pelajar sebagai insan soleh.



RAJAH 1 : Konsep Guru dari Perspektif Islam

Berdasarkan perbincangan tentang konsep guru daripada perspektif Islam di atas terdapat beberapa isu yang perlu digarap khususnya yang berkaitan dengan amalan yang dilakukan oleh guru-guru Pendidikan Islam semasa di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Amalan-amalan yang dilakukan oleh guru boleh diasaskan kepada lima istilah sebelum ini iaitu: *Muddaris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Muallim*. Berikut adalah beberapa amalan penting yang seharusnya dilakukan oleh semua guru Pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah satu kajian berbentuk tinjauan (*survey*) yang melibatkan pelbagai metode seperti pemerhatian amalan pengajaran, pentadbiran soal selidik pelajar dan temu bual berstruktur guru. Menurut Denscombe (1998), kaedah tinjauan mampu menyediakan maklumat sebenar dan data yang melibatkan peserta yang ramai mampu menghasilkan data kuantitatif yang boleh dianalisis secara statistik, serta dapat pula mengurangkan kos dan tempoh masa kajian. Babbie (1986) juga berpendapat kajian tinjauan berkemungkinan merupakan metode terbaik dalam penyelidikan sains sosial yang melibatkan pengumpulan data bagi populasi yang besar. Kajian tinjauan yang dilakukan berasaskan kepada tujuan kajian menggunakan soal selidik dan protokol temu bual sebagai instrumen utama pengumpulan data melalui sampel yang dipilih untuk mewakili populasi akan menghasilkan dapatan analisis data yang boleh digeneralisasikan.

Populasi kajian ini adalah pelajar-pelajar Islam di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini melibatkan seramai 3166 orang pelajar daripada sekolah-sekolah menengah di enam buah negeri, iaitu Selangor, Kedah, Kelantan, Melaka, Johor dan Sarawak. Pemilihan negeri ini adalah untuk mendapatkan sampel yang mewakili pelbagai kawasan dan latar belakang di Malaysia. Pada asasnya, pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah *multistage cluster sampling* (Babbie 1986 & Burns 2000). Sekolah menengah yang terlibat adalah: sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia, kerajaan negeri dan pihak swasta. Sekolah-sekolah tersebut dikategorikan kepada beberapa jenis seperti berikut:

- a. Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia (Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama)
- b. Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN)
- c. Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)
- d. Sekolah Menengah Swasta (SMS)

Satu set borang soal selidik pelajar yang menggunakan skala Likert yang menggunakan lima darjah persetujuan telah dibina untuk meninjau penilaian pelajar sekolah menengah terhadap amalan pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah mereka. Soal selidik ini distrukturkan kepada empat bahagian. Bahagian (A) merupakan profil demografi pelajar. Bahagian (B) terdiri daripada pernyataan berkaitan persepsi pelajar mengenai amalan pengajaran guru pendidikan Islam. Kajian rintis untuk soal selidik pelajar telah dijalankan di empat buah sekolah menengah. Bilangan pelajar yang terlibat ialah seramai 134 orang. Sejumlah 60 pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan 1, dan bakinya seramai 74 orang terdiri daripada pelajar tingkatan 4. Pekali kebolehppercayaan Alpha menunjukkan nilai keseluruhan bagi instrumen tersebut ialah 0.888, iaitu di dalam lingkungan kebolehppercayaan yang tinggi. Data yang diperolehi melalui kajian ini dianalisis dengan menggunakan program *SPSS for Windows* dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus, frekuensi dan min, terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item yang dikaji.

Kajian ini menggunakan interpretasi skor min seperti berikut :

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 -2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan secara keseluruhan menunjukkan bahawa min bagi domain Mudarris ialah 3.75, Muaddib 4.24, Murabbi 4.01, Murshid 3.94 dan Muallim 3.94. Manakala nilai min secara terperinci adalah berdasarkan perbincangan di bawah.

5.1 Domain Mudarris

Domain pertama mengandungi 21 item yang menggambarkan konsep guru sebagai Mudarris. Min yang ditunjukkan adalah antara 4.22 dan 2.21. Min keseluruhan bagi domain Mudarris ialah 3.75. Jadual 1 di bawah menunjukkan nilai min secara terperinci.

JADUAL 1: Analisis Domain Mudarris

BIL	ITEM (KONSEP MUDARRIS)	MIN
B1	Guru PI saya menyatakan tujuan pengajaran dengan jelas dan terang	4.22
B2	Saya boleh mengikuti pengajaran guru PI di dalam kelas	4.22
B3	Pertanyaan saya dijawab dengan baik oleh guru PI	4.19
B4	Saya TIDAK diberi peluang untuk bersoal jawab semasa pengajaran PI	4.10
B5	Pengajaran guru PI menarik minat saya	4.05
B6	Saya berasa gembira/seronok semasa kelas PI	4.05
B7	Setiap akhir pengajaran, guru PI membuat kesimpulan pengajaran	4.02
B8	Guru PI mengaitkan pengajaran dengan perkara-perkara yang saya tahu	3.97
B9	Saya memahami pengajaran guru PI dengan mudah	3.96
B10	Guru PI mengambil berat terhadap kefahaman saya dalam kelas PI	3.96
B11	Guru PI saya memberi latihan/kerja rumah selepas pengajaran	3.96
B12	Guru PI saya menggunakan berbagai-bagai cara untuk menyampaikan pengajaran	3.95
B13	Pengajaran guru PI saya tersusun dan sistematik	3.87
B14	Guru PI saya mencatat isi-isi pengajaran di papan hitam	3.85
B15	Guru PI saya menggunakan tulisan JAWI dalam pengajaran	3.85
B16	Guru PI saya pandai membuat jenaka semasa pengajaran	3.84
B17	Guru Pendidikan Islam (PI) memulakan pengajaran dengan aktiviti yang menyeronokkan	3.80
B18	Guru PI menghargai pendapat saya	3.70
B19	Guru PI saya menggunakan bahan bantu mengajar (seperti OHP, kertas mahjung, papan gulung dan komputer) ketika mengajar	2.71
B20	Guru PI saya mengajar terlalu cepat/laju	2.35
B21	Guru PI saya TIDAK duduk setempat semasa mengajar	2.21

Nilai min bagi domain Mudarris adalah yang terendah berbanding kelima-lima min yang diuji. Konsep Mudarris adalah diasaskan kepada guru cemerlang yang berkesan. Umumnya, ia dinilai daripada lima aspek utama, iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan

personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan profesional.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, item yang menunjukkan tahap tertinggi iaitu melebihi 4.0 adalah:

1. Guru PI saya menyatakan tujuan pengajaran dengan jelas dan terang
2. Saya boleh mengikuti pengajaran guru PI di dalam kelas
3. Pertanyaan saya dijawab dengan baik oleh guru PI
4. Saya TIDAK diberi peluang untuk bersoal jawab semasa pengajaran PI
5. Pengajaran guru PI menarik minat saya
6. Saya berasa gembira/seronok semasa kelas PI
7. Setiap akhir pengajaran, guru PI membuat kesimpulan pengajaran

Manakala item-item domain Mudarris yang menunjukkan tahap yang lemah adalah merangkumi :

1. Guru PI saya menggunakan bahan bantu mengajar (seperti OHP, kertas mahjong, papan gulung dan komputer) ketika mengajar
2. Guru PI saya mengajar terlalu cepat/laju
3. Guru PI saya TIDAK duduk setempat semasa mengajar

5.2 Domain Muaddib

Domain kedua mengandungi 16 item yang menggambarkan konsep guru sebagai Muaddib. Min yang ditunjukkan adalah antara 4.57 dan 3.76. Min keseluruhan bagi domain Muaddib ialah 4.24. Jadual 2 di bawah menunjukkan nilai min secara terperinci.

JADUAL 2: Analisis Domain Muaddib

BIL	ITEM (KONSTRUK MUADDIB)	MIN
B22	Guru PI saya memakai pakaian yang sesuai sebagai ustaz/ustazah	4.57
B25	Saya yakin dengan ilmu Islam yang ada pada guru PI saya	4.54
B26	Guru PI memanggil nama saya dengan cara yang baik	4.48
B36	Guru PI saya menunjukkan contoh yang baik	4.39
B24	Guru PI saya menggunakan tutur kata dengan sopan dan berhemah	4.35
B30	Guru PI merendah-rendahkan kebolehan saya	4.34
B37	Guru PI saya mementingkan kebersihan diri dan persekitaran	4.30
B33	Guru PI saya ceria dalam pengajaran	4.23
B34	Guru PI mengambil berat tentang tingkah laku dan akhlak saya	4.21
B32	Guru PI saya TIDAK mengambil berat masalah pelajaran saya	4.16
B29	Guru PI menyindir saya semasa pengajaran	4.15
B27	Guru PI saya TIDAK pernah menggunakan perkataan kasar	4.13

B35	Saya rasa guru PI saya mengamalkan apa yang diajar	4.13
B31	Guru PI pernah menghukum saya secara fizikal (dirotan, dicubit, dijemur tengah panas dsb)	4.12
B28	Guru PI pernah mengugut saya jika TIDAK melaksanakan tugas yang diberikan	3.92
B23	Guru PI saya masuk ke kelas tepat pada waktunya	3.76

Nilai min bagi domain Muaddib adalah yang tertinggi berbanding kelima-lima min yang diuji. Konsep Muaddib adalah diasaskan kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk mengurus, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Nilai ta'dib yang cuba diterapkan dalam diri para pelajar adalah bersifat mutlak, muktamad, kekal abadi dan suci, serta diasaskan kepada keimanan yang kukuh kepada Allah SWT. Merujuk jadual.2 di atas berdasarkan interpretasi skor min Jamil Ahmad (1993), min bagi semua item domain Muaddib menunjukkan tahap yang tinggi iaitu melebihi 3.67.

5.3 Domain Murabbi

Domain ketiga mengandungi 14 item yang menggambarkan konsep guru sebagai Murabbi. Min yang ditunjukkan adalah antara 3.44 dan 4.44. Min keseluruhan bagi domain Murabbi ialah 4.01. Jadual 3 di bawah menunjukkan nilai min secara terperinci.

JADUAL 3: Analisis Domain Murabbi

BIL	ITEM (KONSTRUK MURABBI)	MIN
B38	Guru PI saya menekankan aspek keimanan dalam pengajaran	4.44
B41	Guru PI menggalakkan saya untuk terus belajar	4.32
B39	Guru PI selalu berpesan supaya bersikap tolong menolong sesama manusia	4.30
B48	Saya boleh menerima nasihat guru PI	4.28
B44	Guru PI TIDAK menghormati pendapat saya	4.14
B47	Guru PI saya sentiasa sabar dengan kerenah pelajar ketika mengajar	4.14
B40	Saya selesa bercakap/berinteraksi dengan guru PI	4.09
B46	Guru PI saya adalah seorang yang pemaaf	4.06
B49	Guru PI saya sentiasa tenang dalam menghadapi tingkah laku pelajar	4.01
B50	Saya menganggap guru PI seperti ibu/bapa saya	4.00
B45	Guru PI menghargai kebolehan diri saya	3.70

B51	Guru PI saya suka berleter ketika dalam kelas	3.66
B42	Saya rasa guru PI mengenali diri saya	3.51
B43	Saya berasa disayangi oleh guru PI	3.44

Min bagi domain Murabbi adalah yang kedua tertinggi berbanding kelima-lima min domain yang diuji. Konsep Murabbi adalah merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek (JERIS) agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kaca mata Islam

Merujuk Jadual 3 di atas terdapat tiga item dalam domain Murabbi yang terendah berbanding item yang lain iaitu :

1. Guru PI saya suka berleter ketika dalam kelas
2. Saya rasa guru PI mengenali diri saya
3. Saya berasa disayangi oleh guru PI

5.4 Domain Mursyid

Domain keempat berkaitan amalan pengajaran guru PI mengandungi 8 item yang menggambarkan konsep guru sebagai Mursyid. Nilai min yang ditunjukkan adalah antara 3.59 dan 4.24. Min keseluruhan bagi domain Mursyid ialah 3.94. Jadual.4 di bawah menunjukkan nilai min secara terperinci.

JADUAL 4 : Analisis Domain Mursyid

BIL	ITEM (KONSTRUK MURSYID)	MIN
B56	Guru PI saya memberi semangat untuk saya berjaya	4.24
B55	Guru PI saya menunjukkan kepimpinan mesra pelajar	4.13
B54	Saya rasa guru PI saya seorang yang mudah untuk diajak berbincang	4.02
B59	Guru PI saya seorang pemimpin yang bijaksana	4.00
B57	Guru PI saya TIDAK peka terhadap masalah pelajar	3.95
B52	Guru PI saya TIDAK bersifat pilih kasih dalam kelas	3.91
B53	Guru PI saya seorang yang tegas	3.69
B58	Guru PI melatih saya menjadi seorang ketua yang bertanggungjawab	3.59

Min bagi domain Mursyid adalah yang ketiga tertinggi berbanding kelima-lima min domain yang diuji. Konsep Mursyid adalah merujuk kepada aspek kepimpinan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri (JERIS) sebagai insan soleh. Konsep irsyad dalam kajian ini lebih memfokuskan konsep kepimpinan Rasulullah SAW dalam proses mendidik dan membimbing para sahabat.

Berdasarkan Jadual 4 didapati empat item dalam domain Mursyid yang mempunyai min melebihi 4.0. Item-item tersebut ialah :

1. Guru PI saya memberi semangat untuk saya berjaya
2. Guru PI saya menunjukkan kepimpinan mesra pelajar
3. Saya rasa guru PI saya seorang yang mudah untuk diajak berbincang
4. Guru PI saya seorang pemimpin yang bijaksana

5.5 Domain Mu`allim

Domain kelima mengandungi 11 item yang menggambarkan konsep guru sebagai Mu`allim. Berdasarkan Jadual 5, min yang ditunjukkan adalah antara 3.16 dan 4.36. Min keseluruhan bagi domain Muallim ialah 3.94. Jadual 5 di bawah menunjukkan nilai min setiap item secara terperinci.

JADUAL 5 : Analisis Domain Mu`allim

BIL	ITEM (KONSTRUK MUALLIM)	MIN
B61	Guru PI saya banyak memberi contoh semasa pengajaran	4.36
B65	Guru PI menggalakkan saya menambah ilmu pengetahuan	4.30
B62	Semasa mengajar akhlak, guru selalu menggunakan ayat al-Quran, cerita para nabi dan rasul	4.28
B69	Guru PI saya memiliki kemahiran Tilawah al-Quran	4.25
B66	Guru PI menggalakkan saya berfikir	4.23
B60	Guru PI saya memiliki ilmu agama yang tinggi	4.13
B68	Tulisan Jawi guru PI saya mudah dibaca	3.97
B64	Guru PI saya bercerita tentang isu-isu semasa dalam kelas	3.64
B67	Guru PI saya menggunakan buku/bahan rujukan lain dalam pengajarannya (selain daripada buku teks)	3.59
B70	Saya banyak mencontohi akhlak guru PI berbanding guru-guru mata pelajaran lain	3.40
B63	Guru PI saya mengaitkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain	3.16

Min bagi domain Mu`allim adalah yang ketiga tertinggi berbanding kelima-lima min domain yang diuji. Berdasarkan Jadual 5 didapati empat item dalam domain Muallim yang mempunyai min yang sederhana (kurang dari 3.66) iaitu :

1. Guru PI saya bercerita tentang isu-isu semasa dalam kelas

2. Guru PI saya menggunakan buku/bahan rujukan lain dalam pengajarannya (selain daripada buku teks)
3. Saya banyak mencontohi akhlak guru PI berbanding guru-guru mata pelajaran lain.
4. Guru PI saya mengaitkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain.

6.0 RUMUSAN

Hasil daripada dapatan di atas, berdasarkan penilaian pelajar-pelajar terhadap guru pendidikan Islam mereka, domain muaddib merupakan yang paling dominan, diikuti oleh domain murabbi, mursyid dan mu`allim. Domain yang paling rendah ialah domain muddaris yang mempunyai min keseluruhan pada tahap 3.75. Sehubungan dengan itu, guru-guru perlu memperbaiki beberapa kelemahan dan mempertingkatkan lagi kekuatan yang ada pada mereka. Latihan, bimbingan dan pemantauan yang berterusan perlu dilakukan untuk memperbaiki amalan-amalan guru pendidikan Islam di bilik darjah khususnya dan diluar bilik darjah amnya.

Maka, keupayaan dan kewibawaan pendidik sebagai pemimpin akan membentuk insan yang terdidik, berilmu, berakhlak dan bertaqwa. Justeru, kebanyakan pengkaji kepimpinan lebih memfokus ke arah peranan dan kepimpinan pendidik sama ada di kalangan pengetua, guru kanan mata pelajaran atau guru mata pelajaran tertentu bagi mengenal pasti tahap, tingkah laku atau gaya kepimpinan. Ia sebagai satu langkah ke arah peningkatan kualiti pendidikan dan kejayaan sekolah. Melalui dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji kepimpinan yang lalu, dapatlah dirumuskan bahawa peranan dan kepimpinan guru mempunyai pengaruh yang besar terhadap kemantapan dan keberkesanan pendidikan di sekolah. Abdul Halim El-Muhammadi (1991) menggariskan bahawa pendidik seharusnya memiliki amalan dan keunggulan keperibadian yang tinggi, berjiwa bersih dan mempunyai ketrampilan diri untuk menjadi pendidik dan pemimpin yang berwibawa serta disanjung. Keunggulan ciri pendidik ini juga adalah bersesuaian dengan pandangan yang diutarakan oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan Islam sebelum ini yang menyatakan antara sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh guru ialah ketokohan memimpin, keperibadian mulia, bersifat kasih sayang dan berjiwa luhur. Kebijaksanaan pendidik dalam melaksanakan tanggungjawab pembimbing dan pemimpin terhadap anak didik, akan melengkap diri mereka sebagai pendidik yang profesional dan berwibawa. Kelengkapan ini menjadikan pendidik sebagai ikutan yang terbaik dan berkesan kepada pelajar ke arah merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, setiap pendidik perlu berusaha menyemai nilai-nilai positif sebagai pendidik dan *murabbi* yang terbaik dengan kesediaan yang mantap sama ada dari segi ilmu pengetahuan, keluhuran peribadi, kewibawaan dan ketrampilan diri.

7.0 RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri. 2000. *A study of the students' knowledge of akhlaq in the Malaysian secondary schools (with special reference to the Islamic education KBSM)*, Tesis PhD, University Of Birmingham.

- Ab. Halim et. al. 2004. "Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar". Laporan Kajian Fakulti Pendidikan, UKM dan JAPIM.
- Abdul Halim El-Muhammadi. 1991. *Pendidikan Islam, falsafah, disiplin dan peranan pendidik*. Selangor. Dewan Pustaka Islam.
- Abdullah Ishak. 1995. Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, Earl. 1986. *The practice of social research*. California: Wadsworth Publishing.
- Burns, R.B. 2000. *Introduction to research methods*. London: Sage Publication.
- Halstead, J.M. 1995. "Towards a unified view of Islamic education", *Islam dan Muslim Christian Relations*. Vol.6. No.1 ms. 25-43.
- Hashim, Rosnani, 1997. *Educational Dualism in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ibrahim Mamat. 1997. *Memimpin remaja sekolah teori dan praktik*. KL: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Ibrahim A. Al-Sadan. 1999. The pedagogy of the Prophet. *Muslim Education Quarterly*. Vol. 16. No. 2. ms. 5-18.
- Kamaruddin Zakaria. 2000. Kepimpinan Rasulullah s.a.w. <http://baheis.islam.gov.my/khutbah.nsf/+Khutbah+Masjid+Negara.18.2.2004>
- Dewan Bahasa Pustaka. 2002. *Kamus Dewan*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Abdul Razak dan Zaib Ngah. 2002. *Isu dan cabaran pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam (KBSM)*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 1.Bangi: UKM
- Hashim, Rosnani, 1996. *Educational Dualism in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- , 1997. "The Construction of An Islamic-Based Teacher Education Programme", *Muslim Education Quartely*, Vol. 14, No. 2. ms. 57-68.
- Syed Hossein Nasr. 1987. *Traditional Islam in the modern world*. London: Kegan Paul.
- Syed Ali Ashraf. 1994. Faith-based education: A theoretical shift from the secular to the transcendent. *Muslim Education Quarterly*. Vol 11. No. 2. ms. 1 – 4.
- Wan Mohd.Zahid Noordin. 1993. *Wawasan pendidikan agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zahrn Bahran.1997. Perkaitan antara kepimpinan guru matematik dalam bilik darjah dengan pencapaian pelajar. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: UKM.
- Zainal Abidin Abdul Kadir. 1994. Dlm. Mohd Yusuf Mohammad. 2003. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: UM
- Zainuddin Mahmud.2003. Rasulullah s.a.w. qudwah pendidik sepanjang zaman. <http://www.Sabah.gov.my/jheain/Rasulullah/Contoh.htm.18.2.04>.